

Praktis pengajian akhlak jadi insan berintegriti

November dirayakan sebagai bulan integriti yang mengingatkan ia sifat dan amalan wajib disemai dalam diri. Integriti tidak terhad kepada kepimpinan tinggi anggota pentadbir negara, malah setiap individu menanggung amanah dalam kerjaya masing-masing.

Dalam hal ini, syabas kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang berjaya membongkar sindiket salah guna cop sempadan membabitkan beberapa anggota perkhidmatan awam. Kejayaan ini menunjukkan integriti penting dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab bekerja, sekali gus memastikan nama dan maruah diri tidak tercemar dek salah laku.

Menurut laporan *BH*, kejayaan ini hasil kerjasama agensi kerajaan berkaitan termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Imigresen (Imigresen).

Memetik kata-kata Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki: "SPRM memang mengalu-alukan sebarang kerjasama risikan dan siasatan seperti ini dengan mana-mana agensi kerajaan dalam usaha membanteras rasuah dan salah guna kuasa di dalam negara ini."

Usaha membanteras salah laku antara tindakan penting dalam memastikan amalan tadbir urus dapat dicapai. Dalam nada berbeza, pembongkaran kes ini memberi mesej universal dan iktibar besar kepada kita akan pentingnya bertanggungjawab dalam mencapai

produktiviti kerja.

Pada pandangan Islam, hakikat produktiviti tidak terhad semata-mata pada amalan pekerjaan dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP). Ia juga bukan hanya kejayaan seseorang pekerja mencapai sasaran jumlah keuntungan dalam perniagaan.

Lebih daripada itu, setiap individu wajib mengenal hakikat tujuan kewujudan diri, pengertian iman dan akhlak sebagai fadilah setiap insan. Pengalaman hidup beragama bagi insan mulia bukan bersifat dualisme, tetapi dizahirkan dengan integriti dalam bekerja.

Secara positif, isu salah laku ini membuka peluang kepada usaha penambahbaikan amalan pendidikan negara dalam pelbagai peringkat khususnya institusi universiti, kolej, badan korporat dan institusi agama.

Dalam konteks alam Melayu misalnya, kita bertuah kerana mempunyai sumber historiografi lumayan seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Babad Tanah Jawi* dan *Tuhfat al-Nafis*. Teks sejarah ini merekodkan pengalaman penting individu agung termasuk Sultan Muhammad Syah, Sultan 'ala al-Din Riayat Syah, Raden Patah, Sultan Iskandar Muda, Opu Daeng Parani dan Raja Haji fi Sabilillah.

Keunggulan mereka tercermin daripada iman benar dan amalan integriti, berani dan adil dalam mempertahankan negara ini. Menyemai elemen sejarah dalam kurikulum pendidikan ini

penting dalam menjelaskan kepada pelajar betapa pengajian akhlak bukan bersifat teori atau konsep tetapi ia difahami, dialami dan dicapai dengan jaya seperti ditunjukkan individu agung sejarah.

Apatah lagi, alam Melayu sendiri tidak menganut faham relativisme sejarah kerana hakikat kebenaran iman dan akhlak bersifat kekal sepanjang zaman. Ini bermakna, amalan integriti akan menghasilkan kestabilan dan kemakmuran kepada negara.

Universiti sebagai institusi ilmu penting dan strategik berperanan memberi pendidikan peringkat tertinggi yang akan melahirkan ahli profesional pada masa depan. Hakikat ini dihurai dan dirumuskan secara mendalam oleh Prof Dr Wan Mohd Nor Wan Daud dalam karyanya, *Peranan Universiti: Pengislaman Ilmu Semasa, Penafibaratan dan Penafijajahan*.

Kesimpulannya, kerjasama erat semua pihak dan amalan pendidikan yang baik amat penting dalam mengemblem fikiran serta tenaga menangani isu salah laku dalam pelbagai peringkat pekerjaan. Usaha ini penting lebih-lebih lagi ketika rakyat dan pentadbir negara bertungkus-lumus memulihkan ekonomi dan pada masa sama mendepani ujian pandemik COVID-19.

Muhammad Mohamad Idris,
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)